



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS KONVOKESYEN INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM) WILAYAH TIMUR (ZON SARAWAK) KALI KE-13 TAHUN 2017

Miri, 29 Ogos 2017 – YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia telah menyempurnakan upacara penutup Majlis Konvokesyen Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Wilayah Timur (Zon Sarawak) Kali ke-13 Tahun 2017, bertempat di Dewan Intrim, Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri, Sarawak anjuran Jabatan Tenaga Manusia (JTM) iaitu Jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Majlis ini meraikan seramai 793 graduan yang terdiri dari 129 graduan Diploma dan 664 graduan Sijil dari tiga Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) iaitu ILP Miri, ILP Kota Samarahan dan ADTEC Bintulu. Graduan dari ILJTM ini telah mendapat keyakinan dan diterima oleh majikan-majikan untuk bekerja susulan catatan peratusan sebanyak 92.24% bagi tahap kebolehkerjaan graduan ILJTM pada tahun 2016.

Sebagai makluman ILP Kota Samarahan telah berjaya melahirkan graduan berpendapatan tinggi iaitu En. Michael Likik Anak Engong yang kini bekerja sebagai Senior Machinist di Heerema Marine Contractors Netherlands dengan pendapatan bulanan melebihi RM20,000. Ini membuktikan bahawa JTM telah berjaya menghasilkan modal insan berkemahiran yang berkualiti serta berpendapatan tinggi.

Oleh yang demikian, graduan ILJTM diharapkan kekal relevan dengan keperluan industri sealiran dengan perubahan pekerjaan dalam revolusi industri 4.0 dan dapat menyahut cabaran global untuk meningkatkan kemahiran sehingga dapat bersaing dalam era globalisasi hari ini dan masa hadapan.

Tahun ini bakal menyaksikan 5 penyertaan daripada ILJTM bagi bidang *Bricklaying*, *Plumbing And Heating*, *Mechatronic* dan *Joinery* dalam Pertandingan World Skills di Abu Dhabi pada 14-19 Oktober 2017. Ini merupakan satu petanda yang positif terutama dalam era globalisasi pada hari ini yang memerlukan negara bersaing dengan negara maju dalam pembangunan modal insan berkemahiran tinggi.

Untuk rekod seramai 10,917 graduan dari 32 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) telah diraikan dalam Majlis Konvokesyen ILJTM bagi tahun 2017 di lapan lokasi ILJTM terpilih. Para graduan adalah terdiri daripada lulusan bidang Mekanikal, Elektrikal dan Elektronik, Sivil, ICT, Percetakan dan Bukan Logam, yang terdiri daripada 20 lulusan Diploma Lanjutan, 3,143 lulusan Diploma dan 7,754 lulusan Sijil.

###

**Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Manusia
29 Ogos 2017**

MAKLUMAT TAMBAHAN

KAPASITI LATIHAN DI ILJTM SARAWAK, SABAH DAN SEMENANJUNG

Bil	ILJTM	Peringkat	Kursus	Kapasiti Latihan
1.	ADTEC Bintulu	Diploma	6	720
2.	ILP Kota Samarahan	Sijil	12	720
3.	ILP Miri		7	600
JUMLAH DI SARAWAK			25	2,040
4.	ILP Kota Kinabalu	Sijil	16	690
5.	ILP Sandakan		7	600
6.	ILP Labuan		12	530
JUMLAH DI SABAH			35	1,820
7.	JMTI	Dip. & Dip Lanj.	9	800
8.	ADTEC Sem. M'sia	Diploma	83	5,460
9.	ILP Sem. M'sia	Sijil	210	12,080
JUMLAH DI SEMENANJUNG			302	18,340
JUMLAH KESELURUHAN			362	22,200

STATISTIK KELUARAN ILJTM

Rancangan Malaysia	Tahun	Penubuhan ILJTM	Keluaran Sepenuh Masa	Keluaran Jangka Pendek	Jumlah Keluaran
(RMK-4)	1964 - 1985	1964 : ILP KL , 1973 : ILP Perai RMK4 : ILP P.Gudang, ILP K.Terengganu, ILP Labuan & CIAST	10,472	202	10,674
(RMK-5)	1986 - 1990	ILP Ipoh, ILP Kuantan, ILP Bkt Katil, ILP Jitra & ILP K.Bharu	8,939	996	9,935
(RMK-6)	1991 - 1995	-	22,102	3,673	25,775
(RMK-7)	1996 - 1999	ILP Kangar, ILP Pedas, ILP Muar, ILP K.Samarahan, ILP K.Kinabalu, ADTEC Bt. Pahat, ADTEC Melaka, ADTEC Shah Alam, ADTEC Kulim & JMJI	22,899	5,645	28,544
	2000		3,249	3,402	6,651
(RMK-8)	2001		3,901	8,067	11,968
	2002		7,655	4,913	12,568
	2003	ILP Kepala Batas, ILP Nibong Tebal, ILP Kuala Langat, ILP Selandar, ILP Mersing, ILP Miri & ILP Sandakan	8,000	4,745	12,745
	2004		9,781	4,024	13,805
	2005		8,243	3,937	12,180
(RMK-9)	2006		9,248	6,046	15,294
	2007	ILP Marang, ADTEC Taiping, ADTEC Jerantut, ADTEC Kemaman & ADTEC Bintulu	8,463	23,650	31,981
	2008		8,140	78,419	86,446
	2009		11,281	73,734	85,106
	2010		8,377	47,121	55,498
(RMK-10)	2011 - 2015	-	32,514	200,745	233,259
	2016	-	11,516	44,955	56,471
JUMLAH			194,780	514,274	
			709,054		

PERATUS KEBOLEHKERJAAN GRADUAN ILJTM NEGERI SARAWAK

SESI	1/2016 & 2/2016										Employ-ability
	ILJTM NEGERI SARAWAK	Bil Respon- den	BEKERJA		Menyambung Pelajaran		Sedang Mencari Pekerjaan		Sedang Mencari Pekerjaan		
			BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	
ILP MIRI	334	151	45.21%	59	17.66%	38	11.38%	86	25.75%	74.25%	
ILP KOTA SAMARAHAN	240	108	45.00%	69	28.75%	15	6.25%	48	20.00%	80.00%	
ADTEC BINTULU	118	89	75.42%	3	2.54%	6	5.08%	20	16.95%	83.05%	
JUMLAH	692	348	50.29%	131	18.93%	59	8.53%	154	22.25%	77.75%	